

**NOTA SIRAH
(KEWAFATAN RASULULLAH)**

1. Peristiwa sebelum kewafatan Rasulullah saw.
 - Pada tahun ke-10 hijrah, nabi telah menunaikan ibadah haji (haji wida' atau haji perpisahan)
 - Baginda telah menyampaikan khutbah yang terakhir di Arafah dengan 6 isi penting
 - Turun wahyu terakhir dari surah al maidah ayat 3.
 - Pada akhir bulan safar tahun ke-11 hijrah nabi mula sakit.
 - Apabila demam berkurangan, nabi menunaikan solat subuh di imamkan oleh saidina abu bakar.
 - Setelah selesai, nabi menyampaikan khutbah.
2. Peristiwa semasa kewafatan Rasulullah saw.
 - Kesihatan baginda terganggu dan berlarutan.
 - Para sahabat dan keluarga sangat bimbang.
 - Nabi menghembuskan nafas pada waktu dhuha hari isnin 12 rabiul awal tahun ke-11 hijrah Ketika berusia 63 tahun.
3. Peristiwa selepas kewafatan Rasulullah saw.
 - Kaum ansar dan muhajirin berkumpul di balai bani saadah bermesyuarat untuk perlantikan khalifah.
 - Hasil sepakat selepas perbincangan mereka memilih saidina abu bakar sebagai khalifah.

LEMBARAN KERJA

Tandakan (✓) pada jawapan yang betul.

- 1) Haji Wida' bermaksud haji ____ .
(a) penetapan (b) Peninggalan (c) Perpisahan
- 2) Larangan melakukan kezaliman merupakan isi ____ .
(a) Khutbah (b) Haji wida' (c) Perjanjian
- 3) Hari-hari terakhir nabi Muhammad ﷺ baginda berada di rumah ____ .
(a) Abu bakar (b) Aisyah (c) Ali
- 4) Kaum ansar dan muhajirin bermesyuarat di balai ____ untuk melantik khalifah.
(a) Bani khazraj (b) Bani saadah (c) Bani bakar
- 5) Saidina omar mencadangkan ____ sebagai khalifah.
(a) Abu Ubaidah (b) Abu bakar (c) Uthman

Lengkapkan pernyataan dibawah.

aisyah	Sakit	khutbah	isnin	63 tahun
Sepuluh	Abu Bakar	12 rabiul awal	Isterinya	Umat islam

Pada tahun ke (1) _____ hijrah, nabi Muhammad ﷺ mula jatuh (2) _____ nabi bergilir-gilir kerumah (3) _____ seperti biasa dan akhirnya baginda ﷺ berpindah ke rumah (4) _____.

Baginda ﷺ tidak mampu untuk keluar solat Bersama-sama. Apabila demam berkurangan, nabi ﷺ solat berjemaah di masjid yang di imamkan oleh (5) _____. Setelah selesai solat, baginda ﷺ menyampaikan (6) _____ kepada (7) _____.

Kesihatan baginda ﷺ terganggu semula. Para sahabat dan ahli keluarga bimbang. Nabi ﷺ menghembuskan nafasnya pada waktu dhuha hari (8) _____ bersamaan Tarikh (9) _____ tahun ke-11 hijrah Ketika baginda berusia (10) _____.